

Graduan sasar jual aiskrim di pasar raya

Keyakinan berpandukan perakuan sijil halal serta pelbagai perisa istimewa ditawarkan

SH/07.02.23/m/s 30

Oleh HAZELN LIANA
KAMARUDIN
PASIR PUTEH

Usaha berani pemegang Ijazah Sarjana Muda Teknologi Alam Sekitar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) menghasilkan aiskrim buatan sendiri membuahkan hasil apabila 'air tangannya' itu semakin mendapat tempat dalam kalangan penduduk di negeri ini.

Malah, Mohd Maliki Mohd Noh, 27, dari Kampung Kedai Menanti, Selising, yang mengusahakan aiskrim dibawah jenama HashCream sudah berjaya menembusi pasaran Terengganu.

Bertitik tolak dari itu, Mohd Maliki menyasarkan untuk meluaskan empayar HashCream dengan meletakkan produk berkenaan masuk ke pasar raya dan dijual di seluruh negara dalam tempoh terdekat.

"Keyakinan ini berpandukan kepada perakuan sijil halal daripada Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (MeSTI) yang diperolehi.

"Dengan adanya perakuan itu, saya semakin berani untuk tampil lebih serius mengusahakan aiskrim ini. Impian saya untuk menjadi salah



Mohd Maliki dan isterinya kini boleh berbangga apabila sudah berjaya membina sebuah kilang kecil di Kampung Kedai Menanti, Selising, Pasir Puteh.

seorang pembekal aiskrim bumiputera pertama di negeri ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut dia, pembuatan aiskrim itu bermula pada tahun 2019 selepas menamatkan pengajian di UMT dengan menghasilkan enam perisa iaitu vanilla, coklat, biskut krim, vanilla cip, coklat cip dan strawberi.

Ujarnya, peringkat awal dia hanya mampu menghasilkan sekitar 800 liter aiskrim sebulan menggunakan mesin bersaiz kecil.

Mohd Maliki berkata, selepas itu pembuatan aiskrim bertambah maju apabila sudah mampu menghasilkan lebih 12,000 liter aiskrim sebulan dengan bantuan tujuh mesin pembuat bersaiz besar bermula tahun ini.

"Ramai yang bertanya kenapa saya memilih untuk membuat aiskrim sedangkan mempunyai kelulusan lain. Jawapan saya mudah, semuanya kerana minat, selain mahu berbakti kepada kedua ibu bapa," katanya.

Mohd Maliki memberitahu, perniagaan aiskrimnya berkembang pesat ketika negara dilanda Covid-19 pada 2020 dan 2021.

"Pada ketika itu saya menjangkakan perniagaan yang baru dijalankan akan lingkup kerana Covid-19, tetapi ia sebaliknya.

"Sepanjang perintah kawalan pergerakan (PKP) permintaan terhadap aiskrim sangat tinggi malah sampai saya tidak menang tangan," katanya.